



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

25 Disember 2015 / 13 Rabiul Awal 1437H

Menyumbang ke arah keamanan dan kemakmuran

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْمَلِكِ الْحَقِّ الْمُبِينِ الَّذِي أَبَانَ لِعِبَادِهِ مِنْ آيَاتِهِ مَا
بِهِ عِبْرَةٌ لِلْمُتَعَبِّرِينَ وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ إِلَهَ الْأَوَّلِينَ وَالْآخِرِينَ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ فَيَا
عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang jemaah yang dihormati sekalian,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah s.w.t. Perbaharuilah keazaman kita untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t, dengan mentaati perintah-Nya dan menjauhi segala tegahan-Nya.

Saudaraku,

Sebagai manusia yang alpa, kita tidak dapat lari daripada melakukan kesilapan dan dosa. Namun saya pasti, biarpun dosa kita menggunung tinggi, setiap daripada kita di sini juga

memiliki hasrat untuk menjadi Mukmin yang terbaik, hamba Allah yang paling ta'at, dan ummat Nabi Muhammad s.a.w. yang boleh Baginda banggakan. Hasrat yang mulia inilah yang perlu terus kita pupuk untuk menjadikan kita Muslim yang berusaha untuk menjadi yang terbaik.

Namun saudaraku, bilakah kita boleh digelar sebagai seorang muslim terbaik? Atau dengan lain perkataan siapakah itu Muslim yang terbaik? Pasti dia adalah seorang yang tidak meninggalkan kewajipan ibadahnya, dan yang menjaga baik hubungannya dengan Penciptanya. Tatkala manusia sedang lena tertidur, dia bangun untuk bermunajat kepada Tuhannya. Tatkala manusia menghabiskan masa dengan aktiviti-aktiviti yang melalaikan, dia menggunakan masa dan umurnya bagi perkara yang diredhai Yang Maha Esa. Namun jema'ah sekelian, apakah ini cukup untuk menjadikan kita Muslim yang terbaik?

Mari kita perhatikan hadith Nabi Muhammad s.a.w. berikut. Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Orang beriman itu bersikap ramah dan tidak ada kebaikan bagi seorang yang tidak bersikap ramah. Dan sebaik-baik manusia adalah orang yang paling bermanfaat bagi manusia”* (Hadith riwayat Thabrani dan Daruqutni).

Jema'ah yang dikasihi, itulah dia kesyumulan agama kita, agama yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan. Umat Islam bukan sahaja disuruh beribadah, tidak juga cukup dengan

hanya memiliki akhlak yang baik, tetapi kita juga disuruh untuk memberi dan menyebarkan kebaikan yang bermanfaat bagi mereka yang berada di sekeliling kita.

Perhatikan firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Taubah berikut, bagaimana Allah s.w.t. menyebut terlebih dahulu sebelum amal ibadah: “*amr Ma’ruf*” iaitu, mengajak kepada kebaikan dan “*nahi mungkar*” yang bermaksud, mencegah daripada kemungkaran. Firman-Nya yang berbunyi:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ
وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ
اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Yang bermaksud: *Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan wanita, sebahagian mereka menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma'ruf, mencegah daripada kemungkaran, mendirikan shalat, menunaikan zakat dan mereka taat pada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.*

Maka melalui ayat tersebut, jelas bagi kita bahawa yang dituntut daripada umat ini bukan sahaja beramal ibadah semata-mata. Bahkan disamping perintah untuk tidak

melakukan kezaliman, bersikap keji, dan menyakiti orang dengan tingkah laku mahupun perkataan kita; kita diperintah untuk mencegah keburukan yang dilakukan orang lain. Dalam erti kata yang lain, setiap Mukmin bukan sahaja perlu memiliki akhlak yang mulia, tetapi dia juga seharusnya menyumbang ke arah kesejahteraan sosial secara keseluruhan.

Amat tepat perumpamaan yang diberi Nabi Muhammad s.a.w. dalam sebuah hadith yang bermaksud: *“Perumpamaan seorang mukmin adalah bagaikan pohon kurma. Bahagian manapun yang engkau ambil, maka akan bermanfaat untukmu”*. (At-Thabari).

Kerana itu, seorang mukmin bukan sahaja meraih dan menantikan kemanfaatan daripada orang lain, akan tetapi dirinya sentiasa berusaha untuk memberi kemanfaatan dan menyebarkan kesejahteraan terhadap insan lain.

Jema'ah yang dihormati,

Persoalan yang perlu kita fikirkan sekarang ini adalah: Apakah peranan kita sebagai seorang muslim yang duduk di negara yang berbilang kaum dan agama seperti Singapura? Apakah peranan yang boleh kita mainkan?

Setentunya terdapat pelbagai peranan yang boleh dimainkan umat Islam di negara ini, antaranya kita mempunyai tanggungjawab untuk bersama-sama berusaha melestarikan kesejahteraan dan keamanan bagi segenap masyarakat dan warga negara.

Di dalam Al-Quran, keamanan sangat dititikberatkan. Bahkan kalimat-kalimat Al-Quran yang berasal daripada istilah ‘aman’ disebut oleh Tuhan sebanyak 789 kali di dalam Al-Quran. Ia menggambarkan pentingnya keamanan dan kesejahteraan, dan bagaimana kedua-duanya itu diberikan keutamaan oleh Allah s.w.t.

Perhatikan doa Nabi Ibrahim a.s. kepada Allah s.w.t. bagi kota Mekkah:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ اجْعَلْ هَذَا بَلَدًا آمِنًا وَارْزُقْ أَهْلَهُ مِنَ الثَّمَرَاتِ مَنْ
ءَامَنَ مِنْهُمْ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

Yang bermaksud: "*Dan (ingatlah) ketika Ibrahim berdo'a: "Wahai Tuhanku, jadikanlah negara ini negara yang aman sentosa dan berikanlah rezeki daripada buah-buahan kepada penduduknya yang beriman diantara mereka kepada Allah dan hari kemudian..."*. [Surah al-Baqarah, ayat 126].

Saudaraku,

Sekiranya kita meneliti isi kandung doa nabi Ibrahim a.s., kita mendapati bahawa diantara doa yang dipanjatkan Nabi Ibrahim a.s. adalah, **yang pertama**, beliau mendoakan keamanan buat kota tersebut. Memandangkan keamanan itu begitu penting dan kritikal bagi kesejahteraan hidup.

Saya rasa kita semua peka akan keadaan dan bencana yang menimpa sebahagian penduduk bumi sekarang ini, dengan

hilangnya keamanan pada negara tersebut dan peperangan yang berpanjangan. Bayangkan kesukaran yang dilalui penduduk sesuatu negara tatkala keamanan lenyap daripada kamus kehidupan.

Kita tidak dapat menafikan bahawa terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada kesengsaraan tersebut, tambahan pula perbuatan ekstrim beberapa individu tertentu yang mengaku muslim, tetapi melakukan perkara yang jauh daripada landasan Islam.

Bahkan rentetan daripada kejadian-kejadian yang berlaku, sebahagian umat Islam di rantau lain, tidak dapat lari daripada terkena tempias keraguan dan layanan yang tidak wajar yang mereka hadapi. Ini dilakukan oleh individu-individu yang tidak dapat membezakan di antara ajaran agama itu sendiri dengan tindakan tidak bertanggungjawab sebahagian kecil dari pengikutnya.

Kita beruntung kerana di negara kita ini, kita belum menyaksikan kejadian-kejadian yang merisaukan seperti ini. Sebagai penduduk negara ini, kita tidak mahu kedudukan kita dipertikaikan atau keselamatan kita terancam. Kita rakyat negara ini, dan kita berhak untuk hidup dalam keadaan aman. Di waktu yang sama kita juga menyumbang kepada usaha untuk melestarikan kesejahteraan negara ini secara menyeluruh. Dalam kehidupan bermasyarakat, kita mesti sama-

sama berganding bahu untuk membasmi faktor-faktor yang boleh menyebabkan keamanan yang kita nikmati ini terancam.

Saudaraku,

Aspek kedua yang dipohon Nabi Ibrahim a.s. adalah kemakmuran negara. Kemakmuran adalah satu nikmat yang harus disyukuri dan diusahakan.

Islam tidak menghalang umatnya untuk berusaha ke arah kemakmuran ekonomi. Namun, sebagai Muslim, kita sering diingatkan memerhatikan keseimbangan dalam segala perkara. Kita berusaha untuk kemakmuran dunia dan kesejahteraan duniawi, akan tetapi jangan sekali-kali kita mengabaikan kemakmuran akhirat kita kelak. Bagaimana saham kita untuk akhirat? Di dunia ini kita mungkin memiliki 2 rumah, memiliki kereta yang banyak, pakaian dan baju juga tidak terhitung banyaknya; akan tetapi bagaimana pula diri kita esok di akhirat? Bagaimana pula kehidupan ahli keluarga kita esok di akhirat?

Maka bagi individu mukmin yang hidup di negara yang menikmati kemakmuran seperti Singapura, jangan sekali-kali kita alpa dan lupa akan kemakmuran akhirat kita. Jadikan akhir tahun ini sebagai peluang untuk kita bermuhasabah diri.

Jema'ah yang dimuliakan,

Sebagai kesimpulan khutbah hari ini, ingin saya mengingatkan para Jemaah sekalian, kepentingan kita bersyukur kepada Allah di atas nikmat keamanan dan kemakmuran bersama.

Namun hakikatnya tiada jaminan bahawa keamanan dan kemakmuran ini akan berterusan, melainkan kitalah yang seharusnya mempertahankan keamanan ini dan meneruskan usaha untuk memakmurkan negara.

Marilah sama-sama kita berdo'a agar Allah memelihara negara ini, dan semoga Allah mengurniakan kita kekuatan dan kesungguhan untuk berusaha ke arah kesempurnaan kemakmuran yang menyeluruh.

Ya Allah, peliharalah keamanan dan kemakmuran negara kami. Kurniakanlah kepada kami rasa cinta kepada akhirat, rasa cinta kepada-Mu dan kepada Nabi-Mu. Bangkitkanlah kami di akhirat kelak sebagai umat yang engkau redhai. Bangkitkan kami kelak Ya Rahman, di kalangan insan-insan yang engkau kasihi dan cintai, daripada kalangan golongan para anbiya', para sahabat, Salihin dan Salihat. Ya Allah, perkenankanlah pertemuan dengan kekasih kami, Rasulullah s.a.w. dan perkenankanlah usaha kami untuk menjadi umat yang meneladani Baginda s.a.w. dan membanggakannya. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.